

Headline	E-aduan atasi masalah warga UPM	Language	MALAY
Date	07. Jan 2008	Page No	9
Media Title	Harian Metro	Article Size	275 cm2
Section	Variasi	Frequency	Daily
Circulation	172903	Color	Full Color
Readership	605160		



e-aduan atasi masalah warga UPM

SERIOUS bagi membantu menjaga kebajikan mahasiswa, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPPUPM) bakal menggunakan pendekatan baru menerusi elektronik aduan (e-aduan) bagi memudahkan warga kampus membuat aduan.

Menerusi cara itu, aduan mengenai sebarang masalah atau kebajikan mahasiswa boleh disalurkan terus kepada MPPUPM untuk tindakan susulan dengan segera.

Yang Dipertuanya, Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, berkata sistem itu satu cara pantas MPP untuk menangani masalah mahasiswa dengan bantuan exco kebajikan MPP atau kolej.

Menurutnya, ia sejajar matlamat MPPUPM untuk berkhidmat dengan pantas, tepat dan dedikasi bagi membantu mahasiswa sekali gus mengurangkan kesulitan sewaktu tempoh pengajian.

"Dengan cara ini, mahasiswa boleh menyalurkan masalah dan tindakan mengatasinya boleh dilakukan dengan pantas. Ia juga memberi peluang MPP mengetahui dan menjaga kebajikan mereka selain menghulurkan bantuan diperlukan.

"Sebelum ini ada mahasiswa

tidak tahu saluran membuat aduan jika menghadapi masalah.

"Selain itu, setiap bulan, satu mesyuarat khas akan diadakan bersama exco kebajikan dan kolej bagi mengetahui langkah atau tindakan akan diambil.

"Ini bagi memastikan setiap masalah mendapat tindak balas sewajarnya," katanya.

Mohamad Sabrie berkata, bermula awal tahun ini, mahasiswa bakal menikmati kemudahan Internet tanpa wayar di seluruh kawasan kampus apabila ia dipertingkatkan.

Menurutnya, pada masa kini hanya sebahagian kawasan kampus sudah menikmati kemudahan itu dan ia akan diperluaskan ke kawasan kolej kediaman.

"Projek mempertingkatkan kemudahan itu sudah dijalankan dan ada yang sudah menikmatinya. MPPUPM berharap, apabila projek peningkatan ini siap, seluruh warga kampus boleh menggunakan kemudahan itu.

"MPPUPM berharap warga kampus bersabar kerana kami berusaha bagi memberi kesesuaian kepada mereka sejajar janji kami menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka," katanya.



CEMERLANG...UPM bakal menikmati kemudahan Internet tanpa wayar bagi memberi kemudahan kepada warga kampus memperoleh pelbagai maklumat.



SELESA...dengan kemudahan Internet tanpa wayar, mahasiswa bukan saja mudah membuat aduan menerusi e-aduan tapi juga boleh mengakses pelbagai maklumat dari kolej.